

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

INDEKS KOS BAHAN BINAAN

FEBRUARI 2025

Indeks harga seunit besi merekodkan penurunan antara negatif 0.5 peratus hingga negatif 1.6 peratus pada Februari 2025

PUTRAJAYA, 11 Mac 2025 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan laporan **SIARAN KHAS UNTUK KERJA-KERJA PEMBINAAN BANGUNAN DAN STRUKTUR, FEBRUARI 2025**. Laporan ini menyediakan indeks harga seunit bahan binaan terpilih dan Indeks Kos Bahan Binaan Bangunan (IKB) mengikut kategori bangunan.

Dalam kenyataan pada hari ini, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan bahawa indeks harga seunit besi merekodkan penurunan antara negatif 0.5 peratus hingga negatif 1.6 peratus bagi kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak pada Februari 2025 berbanding bulan lepas. Penurunan tertinggi bagi indeks harga bahan ini direkodkan di kawasan Tawau (-1.6%), diikuti dengan Perak (-1.4%) dan Pulau Pinang, Kedah & Perlis (-1.2%).

Selain itu, Ketua Perangkawan Malaysia turut memaklumkan bahawa indeks harga seunit keratan keluli & logam juga mencatatkan penurunan kecil iaitu antara negatif 0.1 peratus hingga negatif 2.7 peratus bagi hampir semua kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak pada Februari 2025 berbanding bulan lepas. Penurunan tertinggi bagi indeks harga seunit besi direkodkan di Miri (-2.7%), diikuti dengan Perak (-2.3%) dan Terengganu & Kelantan (-0.4%).

Tambahan itu, indeks harga seunit simen merekodkan peningkatan kecil iaitu antara 0.1 peratus hingga 2.6 peratus pada Februari 2025 berbanding bulan lepas. Peningkatan tertinggi direkodkan di Tawau (2.6%), diikuti dengan Sandakan (1.8%) dan Sibu (1.1%). Dalam tempoh yang sama, indeks harga seunit pasir kekal tidak berubah bagi kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Perbandingan tahunan untuk tempoh Februari 2024 dan Februari 2025 menunjukkan bahawa indeks harga seunit simen merekodkan peningkatan antara 0.2 peratus hingga 4.0 peratus bagi kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Peningkatan tertinggi bagi indeks ini dicatatkan di Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan dan Sandakan (masing-masing 4.0%), diikuti dengan Pahang (3.3%) dan Tawau (2.6%).

Namun begitu, perbandingan tahunan indeks harga seunit besi pula mencatatkan penurunan antara negatif 3.0 peratus hingga negatif 15.3 peratus pada Februari 2025 berbanding bulan yang sama tahun lalu bagi kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Penurunan tertinggi bagi indeks harga seunit besi direkodkan di Perak (-15.3%).

Ketua Perangkawan Malaysia turut menerangkan bahawa purata harga seunit besi yang terdiri daripada bar bulat keluli lembut dan *Mycon 60 high tensile deformed bars* mencatatkan penurunan (-0.5%) dengan purata harga RM3,545.15 bagi setiap tan metrik berbanding bulan sebelumnya (Januari 2025: RM3,563.76 per tan metrik). Selain itu, purata harga simen *Ordinary Portland* pada Februari 2025 merekodkan peningkatan sebanyak 1.1 peratus, dengan purata harga RM23.60 per 50 kg sekarung berbanding Januari 2025 (RM23.34 per 50 kg sekarung).

IKB termasuk bar keluli mengikut kategori bangunan dan kawasan di Semenanjung Malaysia mencatatkan penurunan antara negatif 0.2 peratus hingga negatif 0.8 peratus pada bulan Februari 2025 berbanding bulan sebelumnya. Penurunan ini dicatatkan bagi hampir semua kategori bangunan dan kawasan kecuali di Johor, Pahang dan Terengganu & Kelantan.

Tambahan itu, IKB termasuk bar keluli di Sabah menunjukkan peningkatan antara 0.1 peratus hingga 1.8 peratus bagi semua kategori bangunan di Kota Kinabalu dan Sandakan pada Februari 2025 berbanding bulan sebelumnya. Manakala, IKB di Tawau pula telah merekodkan penurunan kecil iaitu antara negatif 0.1 peratus hingga negatif 1.2 peratus bagi hampir semua kategori bangunan kecuali peningkatan kecil bagi IKB kategori Cerucuk Konkrit Tetulang (0.1%).


Perbandingan bulanan IKB termasuk bar keluli di Sarawak pada Februari 2025 mencatatkan peningkatan kecil antara 0.1 peratus hingga 0.5 peratus bagi hampir semua kategori bangunan di Sibu. Selain itu, IKB termasuk bar keluli bagi hampir semua kategori bangunan di Kuching kekal tidak berubah berbanding bulan sebelumnya. Sementara itu, IKB termasuk bar keluli di Miri pula merekodkan penurunan antara negatif 0.3 peratus hingga negatif 0.8 peratus bagi hampir semua kategori bangunan kecuali indeks bagi Bangunan Kayu dan Cerucuk Kayu.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

Embargo : Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Selasa, 11 Mac 2025

Carta 1: Purata Harga Bar Keluli, Malaysia, Januari 2023 – Februari 2025



Carta 2: Purata Harga Simen, Malaysia, Januari 2023 – Februari 2025



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
11 MAC 2025**

MEDIA STATEMENT



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

BUILDING COST INDEX, MALAYSIA FEBRUARY 2025

The unit price index of steel recorded a decrease between negative 0.5 per cent to negative 1.6 per cent in February 2025

PUTRAJAYA, March 11, 2025 – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) published SPECIAL RELEASE FOR BUILDING AND STRUCTURAL WORKS, FEBRUARY 2025. This report provides the unit price index of major building materials and the Building Material Cost Index (BCI) by building category and region.

In a statement today, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin mentioned that the monthly comparison recorded a decrease in the unit price index of steel between negative 0.5 per cent to negative 1.6 per cent for almost all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak in February 2025 as compared to the previous month. The highest decrease was recorded in Tawau (-1.6%), followed by Perak (-1.4%) and Pulau Pinang, Kedah & Perlis (-1.2%).

Apart from that, the Chief Statistician of Malaysia also informed that the unit price index of steel & metal sections showed a decline between negative 0.1 per cent to negative 2.7 per cent for almost all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak in February 2025 as compared to the previous month. The highest decrease was recorded in Miri (-2.7%), followed by Perak (-2.3%) and Terengganu & Kelantan (-0.4%).

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Tuesday, March 11, 2025

In addition, the unit price index of cement also registered a slight increase between 0.1 per cent to 2.6 per cent in February 2025 as compared to the previous month. The highest increase was recorded in Tawau (2.6%), followed by Sandakan (1.8%) and Sibu (1.1%). Concurrently, the unit price index for sand remained unchanged for almost all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak.

An annual comparison for the period of February 2024 and February 2025 indicated that the unit price index of cement increased between 0.2 per cent to 4.0 per cent for almost all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak. The highest increase was recorded in Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan and Sandakan (4.0% respectively), followed by Pahang (3.3%) and Tawau (2.6%).

Nevertheless, an annual comparison of the unit price index of steel recorded a decrease between negative 3.0 per cent to negative 15.3 per cent in February 2025 as compared to the same month last year for almost all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak. The highest decrease in the unit price index of steel was recorded in Perak (-15.3%).

The Chief Statistician of Malaysia also elaborated that the average price per unit of steel, consisting of mild steel round bars and Mycon 60 high tensile deformed bars recorded a decrease (-0.5%) with an average price of RM3,545.15 per metric tonne as compared to the previous month (January 2025: RM3,563.76 per metric tonne). Meanwhile, the average price of Ordinary Portland cement in February 2025 showed a slight increase of 1.1 per cent, with an average price of RM23.60 per 50 kg bag as compared to January 2025 (RM23.34 per 50 kg bag).

BCI with steel bars for all building categories in Peninsular Malaysia recorded a slight decrease between negative 0.2 per cent to negative 0.8 per cent in February 2025 as compared to the previous month. The decrease for BCI with steel was recorded for almost all building categories except in Johor, Pahang and Terengganu & Kelantan.

Additionally, BCI with steel bars in Sabah also registered an increase between 0.1 per cent to 1.8 per cent for almost all building categories in Kota Kinabalu and Sandakan in February 2025 as compared to the previous month.

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Tuesday, March 11, 2025

Meanwhile, BCI in Tawau recorded a slight decrease between negative 0.1 per cent to negative 1.2 per cent for almost all categories of building except for an increase in index for Reinforced Concrete Piling (0.1%).

A monthly comparison of BCI with steel bars in Sarawak for January 2025 recorded a slight increase between 0.1 per cent and 0.5 per cent for almost all categories of buildings in Sibu. However, BCI with steel bars for almost all building categories in Kuching remained unchanged as compared to the previous month. Meanwhile, BCI with steel bars in Miri showed a decrease between negative 0.3 per cent and negative 0.8 per cent for almost all categories of buildings, except for an increase in the index of Timber Building and Timber Piling.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life".

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Tuesday, March 11, 2025

Chart 1: Average Price of Steel Bar, Malaysia, January 2023 – February 2025





Chart 2: Average Price of Cement, Malaysia, January 2023 – February 2025



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
11 MARCH 2025**